

● 2 HARI LAGI

■ RASAKAN...Pesilat wanita Jerman Barat, Heike Dietrich membanting rakan senegaranya, Frank Hoffmann dalam latihan petang semalam. Gambar BH oleh David Khoo.



## PESILAT TUNGGAL WANITA Heike Dietrich 30 NOV 1987 berusaha B. Harlan (M) pertahankan juara

JUARA bahagian seni Kejuaraan Silat Sedunia Ke-3 tahun lalu, Heike Dietrich, dari Jerman Barat, akan berusaha mempertahankan kejuaraan itu di samping merebut gelaran pesilat terbaik dalam kejuaraan yang sama di Stadium Negara, bermula Rabu ini.

Heike, pesilat wanita tunggal mewakili Jerman Barat itu adalah antara empat pesilat harapan untuk menghasilkan pingat bagi negara itu.

"Kejayaan sehingga terpilih menjadi juara dalam bahagian seni di Vienna, Austria tahun lalu, membuat saya berazam untuk mengulangi kemenangan itu, selain merebut peluang untuk terpilih sebagai pesilat terbaik.

"Perkara ini tidak mustahil, tetapi saya rasa akan mendapat tentangan berat daripada pesilat-pesilat Malaysia, Indonesia dan Belanda," katanya. Hadirannya Heike di Kuala Lumpur, bukan sahaja untuk mewakili negara dalam bahagian itu, malah dia akan bertanding dalam kategori olahraga bagi kategori 60-65kg.

Dalam kejuaraan tahun lalu, dia mencatat sejarah menjadi pesilat Eropah pertama memenangi bahagian seni kategori tangan kosong dan bersenjata.

Sebelum itu, dalam Kejuaraan Silat Eropah pada 1985, Heike menduduki tempat kedua.

Pesilat yang masih menuntut di institut bahasa negaranya, berkata dengan galakan jurulatih Oetar D Setiadji dia yakin pasukan Jerman Barat mempunyai peluang cerah untuk mencatat kejayaan cemerlang.

Peserta berusia 20 tahun ini, mula meminati seni silat ketika berumur 16 tahun.

"Pada mulanya saya menyangka silat ini adalah kung fu, sehinggalah Pak Oetar mula memperkenalkannya kepada saya tahun 1983," kata Heike.

Heike, yang berbadan tegap, gemar kepada acara-acara sukan yang merbahaya seperti terjun papan anjal, luncur air dan perahu layar.

Silat yang diperkenalkan oleh Pak Oetar, kakitangan Kedutaan Re-

publik Indonesia di Berlin kepada pesilat-pesilat Jerman Barat ialah 'Silat Gerak Pilihan'. Kira-kira 120 pesilat kini di bawah awasannya.

■ LIMA negara luar yang akan menyertai Kejuaraan Silat Sedunia sudah berada di Kuala Lumpur untuk menyesuaikan diri dengan keadaan cuaca menjelang kejuaraan itu.

Jerman Barat, Australia dan Yugoslavia adalah tiga negara yang tiba kemarin selepas Turki dan Belanda. Jerman menyenaraiakan lapan peserta, Australia 11 dan Yugoslavia dua.

### Sasaran

Indonesia pula mengesahkan ketibaan barisan pesilat mereka esok, sehari sebelum upacara pembukaan. Terdahulu pegawai-pegawai mereka tiba lebih awal untuk mengikuti kursus ulangkaji pengadilan.

"Sebenarnya kami menghadapi kesukaran menentukan ketibaan peserta-peserta luar negeri. Walaupun mengesahkan penyertaan, mereka tidak memberi butir-butir lanjut penerbangan mereka," kata setiausaha jawatankuasa penganjur, Arshad Abdul Rahman.